

09 FEB 2002

POTONGAN 50% CUKAI JUALAN KERETA UNTUK GOLONGAN CACAT PENGLIHATAN

MENTAKAB, 9 Feb (Bernama) -- Golongan cacat penglihatan akan diberikan kemudahan potongan cukai jualan kereta sebanyak 50 peratus bagi membeli kereta keluaran Proton mulai tahun ini, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy, hari ini.

Bagaimanapun, katanya golongan berkenaan dimestikan mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat setempat.

"Kemudahan itu adalah bagi membolehkan golongan cacat penglihatan membeli kenderaan keluaran Proton dengan menggunakan orang lain sebagai pemandu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Pejabat Kelab Sukan Peniaga Mentakab, di sini, hari ini.

Chan berkata golongan berkenaan juga disyaratkan tidak menjual atau menukar nama kenderaan itu selama 10 tahun dan kenderaan itu mestilah untuk kegunaan sendiri.

"Kemudahan itu adalah satu saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama dahulu bagi membantu golongan cacat penglihatan memiliki kenderaan sendiri," katanya.

-- BERNAMA

ZY MS NAK